

**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN BAHASA MELAYU
TAHUN 3 SK SERI MAWAR 2012**

Tarikh : 15/03/2012
Hari : Khamis
Tahun : 3
Masa : 10.30 – 11.30 pagi (1 jam)
Bilangan Murid : 20 Orang
Mata Pelajaran : Bahasa Melayu
Tema : Malaysia Boleh!
Tajuk : Teladani Mereka

Hasil Pembelajaran

Fokus Utama,

6.5 Aras 2 (i) Mengimbas maklumat yang sesuai daripada teks untuk menyokong fakta.

Fokus Sampingan,

1.2. Aras 1 (i) Menyoal dengan menggunakan kata tanya.

Objektif Pelajaran :

Pada akhir pelajaran ini murid dapat :

- 1) Membentangkan maklumat secara ringkas dan tepat.
- 2) Memahami maksud teks yang dibaca.

- 3) Menyelesaikan tugas yang diberikan dengan betul pada skala 3:4 pada latihan membina ayat dan 4:6 pada latihan pemulihan.

Sistem Bahasa :

Kata Tanya, Ayat Tanya

Pengisian Kurikulum:

- a) Ilmu : Kesusasteraan.
- b) Nilai Murni : Bersyukur.
- c) Kemahiran Bernilai Tambah :
 - a. kemahiran Berfikir : Membuat rumusan.
 - b. Kemahiran Belajar Cara Belajar : Menyoal dengan betul, merekod.
 - c. Kecerdasan Pelbagai : Interpersonal, Verbal Linguistik.

Pengetahuan Sedia Ada : Murid mengenali Perdana Menteri Malaysia yang keenam.

Bahan Bantu Mengajar : Slaid Perdana Menteri Malaysia, Audio “Joget Malaysia”, Audio Video “Joget Malaysia”, Suara latar petikan “Tan Sri P.Ramlee”.

Langkah / Masa	Isi Pelajaran	Aktiviti P & P	Catatan
Set Induksi (5 minit)	Guru membuka fikiran murid dengan memberi beberapa contoh pemimpin negara kita bermula dengan Perdana Menteri pertama hingga yang keenam.	Guru bertanya kepada murid sambutan pada tarikh 31 Ogos? Guru menceritakan detik-detik kemerdekaan Malaysia. Guru meminta murid menyaksikan persembahan slaid yang disediakan. Guru menunjukkan gambar-gambar Perdana Menteri Malaysia dari yang pertama hingga yang keenam. Guru menerangkan yang keenam-enam orang tersebut terkenal dalam kepimpinan Malaysia.	Kemahiran berfikir
Langkah 1 (10 Minit)		Guru memperdengarkan murid audio “Joget Malaysia “. Guru bersoal jawab dengan murid secara individu dan beramai-ramai. Soalan : 1. Apakah judul lagu tersebut? 2. Siapakah yang menyanyikan lagu tersebut? 3. Apakah bentuk puisi yang diselitkan dalam lagu tersebut?	Kecerdasan Pelbagai : Verbal Linguistik Interpersonal

**Langkah 2
(25 Minit)**

Murid cuba memahami apa yang dibaca.
Murid boleh memberi pendapat mereka dengan lebih tersusun.

Bagi menjawab soalan di atas guru memperlihatkan murid dengan video “Joget Malaysia”.

Guru bersoal jawab dengan murid secara individu dan beramai-ramai.

Soalan :

1. Apakah judul lagu tersebut?
2. Siapakah yang menyanyikan lagu tersebut?

Guru membaca lirik lagu “ Joget Malaysia” dan diikuti dengan murid.

Guru bertanya samada murid masih mengingati puisi yang telah diajar sebelum ini iaitu sajak dan syair.

Guru memperkenalkan puisi berbentuk pantun.

Guru cuba menyanyikan lagu tersebut bersama murid.

Guru meminta murid membaca petikan bertajuk “Tan Sri P.Ramlee”.

Guru meminta murid “klik” butang “Dengar Petikan” bagi mendengar bacaan dan intonasi yang betul.

Bacaan serentak oleh murid.

Guru membimbing murid bagi menjelaskan semula apa yang telah mereka baca.

Guru merumuskan petikan tersebut dan menekankan beberapa isi penting dalam petikan.

**Kecerdasan Pelbagai :
Berfikir secara kritis**

**Langkah 3
(15 minit)**

Latihan Pemahaman

Latihan dibuat dan dinilai terus atas talian.

Murid menjawab soalan berdasarkan petikan dan lirik lagu pada langkah 2.

Latihan Tatabahasa

Latihan dibuat dan dinilai terus atas talian. Kemahiran difokuskan kepada Kata Tanya/ Ayat Tanya.

Latihan Pengayaan

Murid mencari isi-isi penting berdasarkan petikan yang disediakan.

Latihan pemulihan

Murid memadankan gambar perdana menteri Malaysia dengan namanya yang betul.

Guru meminta murid “klik” pada pautan yang disediakan. Murid menjawab kesemua soalan.

Guru meminta murid “klik” pada pautan yang disediakan. Murid menjawab kesemua soalan.

Guru meminta murid “klik” pada pautan sekiranya murid selesai menjawab medan soalan pemahaman dan tatabahasa.

Guru memilih murid yang akan membuat latihan ini.
Guru meminta murid “klik” pada putan yang disediakan dan cetak sekiranya perlu.

**Kecerdasan Pelbagai :
Interpersonal,
Pengayaan**

Penutup (5 Minit)	Guru meminta murid merumuskan tentang topik yang dibincangkan.	Guru bersoal jawab dengan murid tentang perkara yang telah dipelajari. Soalan 1. Apa yang telah kamu pelajari pada hari ini? Guru dan murid sama-sama menyanyikan lagu “Joget Malaysia” disamping menyelesaikan tempat kosong tanpa iringan muzik.	Kecerdasan Pelbagai : Pengayaan
-------------------------------------	---	---	---